

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 28 OCTOBER 2016 |

Masyarakat India terus diarusperdanakan

BH - 28/10/2016

→ Kerajaan perkasa program pembelaan dalam agenda pembangunan negara: PM

▀ Kuala Lumpur

Bersempena perayaan Deepavali esok, Datuk Seri Najib Razak mengulangi komitmen kerajaan untuk mengarusperdanakan masyarakat India di negara ini.

Dalam perutusan Deepavali beliau semalam, Perdana Menteri berkata, kerajaan mengam- bil langkah memperkasa prog-

ram pembelaan dalam agenda pembangunan negara melalui Pelan Tindakan Sosioekonomi Masyarakat India, yang akan dilancarkan tahun depan.

Cahaya kebahagiaan

“Semoga perayaan pesta cahaya ini akan membawa cahaya kebahagiaan dan keharmonian kepada semua rakyat Malaysia. Bersempena sambutan perayaan Deepavali tahun ini, kita perlu eratkan lagi hubungan baik dan persefahaman terjalin antara kita.

“Saya masih ingat sambutan Deepavali ketika saya kecil apabila bersama-sama ibu dan ayah berkunjung ke rumah sahabat beragama Hindu serta menikmati hidangan lazat seperti tose, capati, muruku dan lain-lain lagi,” katanya menerusi catatan dalam blog *NajibRazak.com*.



Semoga perayaan pesta cahaya ini akan membawa cahaya kebahagiaan dan keharmonian kepada semua rakyat Malaysia. Bersempena sambutan perayaan Deepavali tahun ini, kita perlu eratkan lagi hubungan baik dan persefahaman terjalin antara kita”

**Catatan dalam blog
NajibRazak.com.**

Najib berkata, semangat Deepavali adalah berasaskan kepada kejayaan cahaya mengatasi kegelapan.

“Semangat itu mencerminkan perjalanan Malaysia sebagai negara berbilang kaum dalam mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan supaya rakyat negara ini dapat menikmati kehidupan aman serta sejahtera,” katanya.

Perdana menteri turut meminta rakyat mendoakan keluarga mangsa tragedi kebakaran Hospital Sultanah Aminah (HSA) di Johor Bahru tabah menempuhi dugaan menimpa kehidupan mereka.

Dalam kejadian Selasa lalu, enam pesakit iaitu empat wanita dan dua lelaki maut, manakala seorang lagi terselamat dalam kebakaran di tingkat dua wad Unit Rawatan Rapi (ICU) selatan HSA. **BERNAMA**